



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PROGRAM
MALAM APRESIASI PEKERJA SOSIAL SEMPENA
SAMBUTAN HARI KERJA SOSIAL SEDUNIA 2021

LOKASI / TARIKH / MASA
HOTEL MARRIOTT, PUTRAJAYA
16 MAC 2021 8:30 – 10:00 MALAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَسْلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةٌ مِنْ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera,
Salam Malaysia Prihatin

(SALUTASI)

MUKADIMAH

Saya harap Yang Berbahagia Datuk, Profesor, Dr, Tuan-Tuan dan Puan-puan sihat walafiat pada malam yang berbahagia ini.

Marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir ke **“Malam Apresiasi Pekerja Sosial sempena Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia Tahun 2021”**.

KATA-KATA ALUAN

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah menjemput dan memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya meraikan sambutan ini bersama warga pekerja sosial yang banyak berbakti kepada negara dan merupakan agen perubahan sosial negara

SAMBUTAN DAN TEMA HARI KERJA SOSIAL SEDUNIA TAHUN 2021

1. Hari Kerja Sosial Sedunia disambut pada hari **Selasa ketiga pada bulan Mac setiap tahun** bagi mengiktiraf sumbangan dan dedikasi pekerja sosial dalam memperjuangkan keadilan sosial, hak asasi manusia dan pembangunan sosial melalui amalan terbaik dalam kerja sosial.
2. Sambutan Hari Kerja Sosial pada tahun 2021 jatuh pada hari ini, 16 Mac 2021, iaitu pada hari ini.
3. Pada tahun-tahun sebelum ini, sambutan Hari Kerja Sosial hanya dilaksanakan secara dalaman dan pada skala kecil di kalangan

pengamal kerja sosial seperti di peringkat agensi dan universiti yang menawarkan kursus kerja sosial sahaja.

4. Namun demikian, selaras dengan hasrat Kementerian untuk meningkatkan profesionalisme dalam bidang kerja sosial di Malaysia, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meraikan pekerja sosial di Malaysia sekali gus menguar-uarkan kepada orang ramai berkenaan profesion yang murni ini.
5. **International Federation of Social Workers (IFSW)** merupakan sebuah badan antarabangsa yang berperanan dalam usaha pembangunan sosial yang inklusif menerusi penglibatan kerjasama antarabangsa.

6. Bagi tahun 2021, IFSW telah menetapkan tema sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia pada tahun ini ialah, **Ubuntu: I am Because We Are: Strengthening Social Solidarity & Global Connectedness** ataupun, **Saya Di Sini Kerana Kita: Memperkukuhkan Solidariti Sosial dan Keterhubungan Global.**
7. Tema ini merupakan tema pertama bagi **The Global Agenda for Social Work & Social Development Framework for 2020-2030**
8. **Ubuntu: I am Because We Are** adalah konsep dan falsafah yang sesuai dengan perspektif kerja sosial mengenai hubungkait antara manusia dan persekitaran mereka. Konsep ini membincangkan tentang keperluan perpaduan global.

9. “Ubuntu” merupakan **falsafah Afrika** yang memberi penekanan pada konsep “**being self through others**”. Ini adalah bentuk humanisme yang dapat dinyatakan dalam ungkapan “**Saya di sini kerana kita**” (**I am because we are**).
10. Tema ini memberikan gambaran yang tepat mengenai kemuliaan dan tingginya kedudukan profesion kerja sosial. Usaha anda, membantu mengembalikan kefungsian sosial orang lain untuk mencapai kesejahteraan kehidupan.
11. Dari masa ke masa, anda semua berkembang dalam segenap aspek kehidupan melalui perkhidmatan sosial yang diberikan kepada orang lain.

12. Dalam landskap iklim sosial dunia yang cenderung ke arah nasionalisme, Ubuntu membawa mesej yang jelas untuk kita mengukuhkan solidariti di semua peringkat: dalam komuniti, masyarakat, negara dan global.

13. Mesej ini menekankan peri pentingnya kerjasama dan kebergantungan di antara satu sama lain dalam membina masa depan yang lestari. Krisis pandemik **COVID-19 menunjukkan betapa pentingnya kesepaduan global** dalam menjamin kesejahteraan sejagat dan pekerja sosial mempunyai peranan yang sangat signifikan dalam mengembalikan kefungsiian sosial mereka yang terkesan akibat pandemik ini.

Sidang hadirin yang saya muliakan,

TAKRIFAN KERJA SOSIAL

14. Kekeliruan berkaitan takrifan kerja sosial oleh masyarakat sedikit sebanyak memberikan pemahaman yang kurang tepat tentang peranan profesion ini.

15. “Kerja sosial” sebenarnya bermaksud aktiviti yang dijalankan oleh seorang **pekerja sosial profesional terlatih** yang bertujuan **meningkatkan kesejahteraan dan kefungisian sosial** individu, keluarga, kumpulan, organisasi atau masyarakat dengan **menggunakan kaedah kerja kes, kerja kumpulan, kerja komuniti,**

dasar dan perancangan sosial, pembangunan sosial atau penyelidikan sosial, dipandu oleh pengetahuan, nilai-nilai dan prinsip, kod etika dan kemahiran kerja sosial.

Antara contoh-contoh kerja sosial yang dimaksudkan adalah pengurusan kes kanak-kanak yang didera, pengurusan kes-kes ahklak yang melibatkan kes mahkamah bagi kanak-kanak serta kes ibu tunggal yang memerlukan bantuan kewangan yang diuruskan melalui kaedah rujukan kepada perkhidmatan yang berkaitan.

16. **Perkembangan formal Kerja Sosial di Malaysia** telah bermula sejak tahun **1946** menerusi pewujudan **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** oleh pentadbiran British untuk menangani pelbagai masalah sosial selepas Perang Dunia Kedua.
17. Bidang Kerja Sosial kini dipraktiskan merentas pelbagai kementerian, agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) malah meliputi individu dalam sektor perkhidmatan kebajikan, pendidikan dan kesihatan.

18. Umumnya, sehingga Disember 2020, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai seramai **3,814 orang pegawai Skim Sosial (Skim S)** yang memberikan fokus kepada skop tugas pekerja sosial melibatkan **pengurusan kes (case management) kepada kumpulan sasaran.**

19. Setelah lebih tujuh dekad, kerja sosial di Malaysia telah mengalami beberapa evolusi berdasarkan perkembangan dan keperluan masyarakat semasa.

20.Ini berikutan perkembangan perindustrian yang pesat, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), globalisasi, perubahan sosiobudaya dan pola kekeluargaan serta kelonggaran jaringan sokongan tradisional dan yang terkini penularan pandemik COVID-19.

Sidang hadirin yang saya muliakan,

KOMITMEN KPWKM

21. Usaha Kementerian meningkatkan profesionalisme dalam bidang kerja sosial telah bermula sejak tahun 2010 lagi. Sepanjang tempoh sedekad ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan termasuklah:

22. Pertama, **penyeragaman kurikulum pendidikan kerja sosial** melalui Jawatankuasa Perundingan Bersama Kebangsaan Pendidikan Kerja Sosial (JPBKPKS) pada tahun 2009;

23. Kedua, pewujudan **Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial** Kebangsaan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun **2010**;

24. Ketiga, penetapan **syarat kelayakan dan pengambilan pekerja sosial dalam Perkhidmatan Awam** di mana Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menerusi tawaran iklan pada tahun 2017 telah mengambil kira bidang-bidang keutamaan yang mengkhhusus kepada disiplin kerja sosial yang tertentu seperti kerja sosial, pengurusan kerja sosial, psikologi kanak-kanak dan keluarga, pendidikan awal kanak-kanak, sains sosial pengkhususan di dalam pengajian kerja sosial dan sains sosial serta pengkhususan dalam pembangunan manusia sebagai kelayakan akademik bagi **Gred S29 atau S41**; dan

25. Keempat, **kursus di peringkat diploma pascasiswazah kerja sosial** turut mula dianjurkan oleh Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bermula dengan pengambilan kohort pertama pada sesi 2015/2016.

26. Kerjasama ini juga turut melibatkan JKM dan Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi kursus di peringkat Sijil Praktis Eksekutif Kerja Sosial. Kedua-dua kursus ini telah berjaya meningkatkan kompetensi seterusnya mendaya upayakan modal insan **warga JKM seramai 523 orang pegawai.**

Sidang hadirin yang saya muliakan,

Hala Tuju Profesion Kerja Sosial dengan Penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial

27. Dalam memastikan profesion bidang kerja sosial diiktiraf dan kelayakan pekerja sosial di Malaysia setanding dengan pekerja sosial di peringkat global, Kementerian kini dalam peringkat akhir penggubalan draf Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial.

28. Melalui perundangan ini, profesion kerja sosial ini akan diiktiraf melalui pendaftaran dan perakuan amalan yang dikawal selia oleh satu badan kawal selia profesion yang akan dikenali sebagai Majlis Profesion Kerja Sosial.

29. Untuk makluman hadirin sekalian, penggubalan Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial ini juga telah dimasyhurkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa Istiadat Pembukaan Parlimen Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas pada 18 Mei 2020.

30. Seri Paduka Baginda Tuanku menyambut baik penggubalan Rang Undang-Undang tersebut dalam mendepani cabaran sosial yang mencabar dan dinamik serta dalam usaha menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat terutamanya kanak-kanak, wanita, warga emas yang rentan (berisiko), orang kurang upaya dan golongan yang memerlukan.

31. Komitmen Malaysia terhadap profesion kerja sosial ini tidak terhad kepada inisiatif yang dijalankan di peringkat nasional sahaja.
32. Selain bergiat aktif di dalam ASEAN Social Work Consortium (ASWC), Malaysia juga telah menerima mandat dan kepercayaan berkaitan latihan dalam bidang kerja sosial dari anggota negara ASEAN menerusi pelantikan dan pengiktirafan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai Ahli Lembaga Pengurus ASEAN Social Training Centre for Social Work and Social Welfare (ATCSW).
33. ATCSW merupakan pusat kecemerlangan pekerja sosial di peringkat ASEAN yang menawarkan kursus, latihan, pertukaran kemahiran dan kolaborasi di peringkat ASEAN.

KERJA SOSIAL DAN CABARAN PANDEMIK COVID-19

34. Semenjak berlakunya pandemik COVID-19 di Malaysia, perkhidmatan KPWKM dikategorikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Service) selaras dengan nombor 50 di bawah kategori ‘lain-lain” Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19.
35. Sehubungan itu, dalam menyampaikan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran, pekerja sosial di Kementerian, khususnya di JKM juga telah beradaptasi dalam menjalankan praktis kerja sosial bagi memastikan perkhidmatan dapat disampaikan kepada golongan yang memerlukan dengan tepat dan berkesan.

36. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah menyediakan perkhidmatan permohonan bantuan secara dalam talian. Kaedah ini akan dapat mengurangkan pergerakan Pekerja Sosial dan klien serta dapat mengelakkan klien berkumpul dan bersesak dalam satu tempat.
37. Bagi kes-kes perkhidmatan luar yang memerlukan intervensi segera seperti penderaan kanak-kanak, keganasan rumah tangga dan pengabaian warga emas, Pekerja Sosial akan membuat lawatan ke lapangan untuk menentukan situasi serta perkhidmatan yang bersesuaian dengan klien, dan Pekerja Sosial perlu mematuhi peraturan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan mematuhi panduan keselamatan yang disediakan oleh KKM.

38. Norma baharu ini juga turut diamalkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan di Institusi. Petugas dan penghuni di Institusi juga perlu mengamalkan penjarakan fizikal, penjagaan kebersihan dan keselamatan. Saya harap, norma baharu diamalkan setiap masa sehinggalah pandemik COVID-19 ini dapat dicegah sepenuhnya.
39. Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan pertambahan masalah sosial seperti peningkatan pengangguran, kenaikan kadar kemiskinan, isu-isu negatif hubungan kekeluargaan dan isu gelandangan. Isu-isu ini memerlukan intervensi segera oleh Pekerja Sosial, dan ia turut memerlukan tempoh masa yang lama untuk ditangani.

40. Walaupun satu masa nanti pandemik COVID-9 telah berakhir (InnshaaAllah), kita masih lagi perlu menangani masalah-masalah ini. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan terhadap profesion Kerja Sosial ini adalah sangat diperlukan agar bidang Kerja Sosial ini boleh berkembang, ditambahbaik dan dipertingkatkan berdasarkan keperluan semasa.

Sidang hadirin yang saya muliakan,

**MALAM APRESIASI SEMPENA SAMBUTAN HARI KERJA SOSIAL
SEDUNIA 2021**

41. Sebagai pemangkin kepada usaha pengiktirafan ini, **Malam Apresiasi Sempena Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia Tahun 2021** buat **jujung kali diadakan** bagi meraikan dan menghargai pekerja sosial yang telah menyumbang khidmat bakti kepada pembangunan profesionalisme kerja sosial dan mengharumkan nama Negara sehingga ke peringkat Antarabangsa.

42. Pada malam ini saya akan menyampaikan 4 Anugerah kepada Tokoh dan Ikon Pekerja Sosial iaitu:

- I. Pertama, Anugerah Tokoh Pekerja Sosial Sepanjang Zaman;
- II. Kedua, Anugerah Ikon Global Kerja Sosial;
- III. Ketiga, Anugerah Ikon Komuniti Kerja Sosial; dan
- IV. Keempat, Anugerah Ikon Akademia Kerja Sosial

43. Pemilihan tokoh dan ikon ini telah dibuat berdasarkan lima (5) kriteria utama antaranya :

- I. Pertama, Mempunyai tokoh kepemimpinan khusus terhadap pembangunan profesion kerja sosial.
- II. Kedua, Pencapaian Akademik dan Penyelidikan bidang kerja sosial di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- III. Ketiga, Sumbangan dalam bidang kerja sosial, misi kemanusiaan, kebajikan dan kemasyarakatan di peringkat global.
- IV. Keempat, Memberikan sumbangan cemerlang dalam bidang kerja sosial komuniti dan persatuan kebangsaan; dan

V. Kelima, Peneraju organisasi ulung bidang kerja sosial kebangsaan.

44. Saya percaya anugerah yang akan disampaikan buat julung-julung kali ini akan menjadi pencetus kepada kecemerlangan profesion kerja sosial di masa akan datang.

45. Majlis ini juga akan menjadi pemangkin kepada peningkatan profesionalisme kerja sosial berlandaskan Kerajaan yang cakna terhadap isu-isu sosial yang dinamik.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada penerima-penerima anugerah!

PENUTUP DAN PENGHARGAAN

46. Saya difahamkan pelbagai program dan **aktiviti telah direncanakan melalui kolaborasi strategik** antara pelbagai pihak sempena sambutan Hari Kerja Sosial mulai hari ini, 16 Mac sehingga 31 Mei 2021.
47. Program-program yang akan dianjurkan sebagai pengisian sambutan pada tahun ini adalah seperti **siri webinar, pertandingan videografi dan Simposium Kebangsaan Kerja Sosial.**

48. Antara **aktiviti yang telahpun berlangsung pada hari** ini adalah Forum Pengenalan Art Therapy anjuran Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, UUM yang dianjurkan secara atas talian.

49. Program-program ini telah dirangka hasil kerjasama KPWKM, JKM, ISM, universiti-universiti yang menawarkan kursus kerja sosial dan Malaysian Associations of Social Workers (MASW). **Program-program ini akan diuar-uarkan melalui laman web KPWKM dan agensi serta laman web MASW.**

50. Saya menyeru semua pihak supaya memberi sokongan dengan sama-sama menyertai program-program yang telah diaturkan ini.

51. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Kerja Sosial kepada semua pekerja sosial di Malaysia.

52. Teruskan usaha murni anda dalam memberikan perkhidmatan sosial yang terbaik buat semua rakyat Malaysia yang memerlukan dan sekali lagi, terima kasih kepada anda semua atas kerja-kerja sosial yang telah dilakukan.

Andalah antara hero negara!

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

16 MAC 2021